



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 25 November 2024

### **Mulakan Pagi Anda Dengan Penuh Bertenaga: Acara Ikonik MILO® Malaysia Breakfast Day Kembali Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-75 MILO® di Malaysia**

MILO® dengan bangganya mengumumkan kembalian MILO® Malaysia Breakfast Day (MBD) yang dinanti-nantikan pada tahun 2025. Acara ini mengalu-alukan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan usia untuk bersama-sama meraikan kepentingan memulakan hari dengan sarapan berkhasiat. Tradisi tahunan ini menonjolkan komitmen MILO® yang berterusan dalam menyemarakkan gaya hidup lebih sihat dan aktif.

Sempena ulang tahun ke-75 MILO® di Malaysia, jenama ini meraikan legasinya sebagai nama dipercayai di setiap rumah, menyemai generasi dengan rasa ikonik dan kebaikan menyeluruhnya. Dengan tema "Dulu, Kini dan Selamanya demi Malaysia," sambutan ini menghargai sejarah luar biasa MILO® sebagai pelengkap hidup rakyat Malaysia, sambil terus memainkan peranan penting dalam memberi inspirasi kepada semangat dan cita-cita negara.

MILO® Malaysia Breakfast Day bertujuan untuk mempromosikan kepentingan sarapan dalam membekalkan tenaga kepada rakyat Malaysia sejak ia diperkenalkan. Acara tahunan ini bukan sahaja menekankan keperluan sarapan tetapi juga memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk menerokai MILO® *Advantage* – formula unik yang menggabungkan bahan semula jadi seperti barli malt, susu, dan koko untuk mencipta rasa ikonik MILO®. Ia juga merupakan minuman malt pertama yang diiktiraf dengan Logo Pilihan Lebih Sihat. Melalui MILO® Malaysia Breakfast Day, peserta dapat merasai sendiri kebaikan dan manfaat MILO®.

"Kami sangat teruja untuk mengembalikan MILO® Malaysia Breakfast Day, acara yang mencerminkan komitmen kami dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif di kalangan rakyat Malaysia. Menjelang ulang tahun ke-75 kami di Malaysia, kami berbangga dengan legasi kami dalam menyokong perjalanan rakyat dan kesihatan yang lebih baik. Sarapan adalah asas kepada hari yang produktif, dan permulaan yang berkhasiat membantu rakyat Malaysia mencapai yang terbaik. Melalui acara ini, kami terus memberi inspirasi dan mendidik komuniti tentang kepentingan sarapan berkhasiat sebagai permulaan harian," kata Ng Su Yen, Pegawai Eksekutif Perniagaan MILO® Malaysia.

Perjalanan 75 tahun MILO® di Malaysia membuktikan kepentingannya sebagai jenama yang menyumbang kepada pembentukan negara yang sihat. Dari membimbing bakat sukan akar umbi hingga menyokong amalan pemakanan yang sihat, MILO® telah menjad minuman ikonik untuk rakyat Malaysia. Komitmen untuk menyediakan pemakanan berkualiti dan menginspirasi generasi masa depan terangkum dalam tema ulang tahun ini.

### **Butiran Acara Hari Sarapan Malaysia MILO® 2025**

MILO® Malaysia Breakfast Day 2025 akan menjadi sambutan di seluruh negara, menyasarkan untuk mengumpulkan lebih daripada 75,000 peminat MILO® dari seluruh negara.

Acara pertama akan diadakan di Putrajaya pada 19 Januari 2025, diikuti oleh acara di Kuantan pada 9 Februari 2025, Johor pada 16 Februari 2025, dan Pulau Pinang pada 23 Februari 2025.

Peminat MILO® boleh menantikan pelbagai aktiviti yang bertenaga termasuk *fun run*, penampilan selebriti, sesi MILO® Fitness Workout, permainan sukan interaktif, MILO *Goodness Truck* yang ikonik, dan persampelan MILO®.

Seramai 3,000 peserta yang mendaftar awal berpeluang untuk memilih jersi edisi terhad MILO® Malaysia Breakfast Day 2025 yang bertema ulang tahun ke-75 jenama MILO®.

Marilah sertai pengalaman yang tidak akan dilupakan, untuk memulakan hari yang sihat dan aktif bersama semua rakyat Malaysia. Pendaftaran akan dibuka pada 29 November dengan harga pendaftaran awal untuk masa terhad.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my)

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

## **Mengenai Nestlé Malaysia**

Sejak tahun 1912, Nestlé telah menjana khasiat kepada rakyat Malaysia dan membina kepercayaan mereka melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami berbangga dengan peranan kami sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan komuniti di tempat kami beroperasi. Pada masa kini, kami menguruskan enam kilang, dengan lebih daripada 5,000 pekerja rakyat Malaysia. Semua produk kami disahkan Halal, menjadikan kami pengeluar Halal terbesar untuk Nestlé di dunia.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat yang berpusat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan mempunyai tenaga kerja lebih daripada 270,000 yang berdedikasi, kami didorong oleh matlamat untuk meneroka potensi makanan, meningkatkan kualiti hidup untuk semua, baik hari ini mahupun untuk generasi akan datang. Komitmen kami terhadap nutrisi, kesihatan, dan kesejahteraan membentuk prestasi kami, memastikan kami kekal menunaikan janji, iaitu menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami selama satu abad dalam memberi khasiat kepada rakyat Malaysia, sila lawati laman web kami di <https://www.Nestlé.com.my/ask-Nestlé/we-are-Nestlé>.

---

**For more information, please contact:**

### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Mobile: +60 12 235 6865

E-mail: [Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com](mailto:Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com)

### **Aw Li-Ann**

INK PR Sdn Bhd

Mobile: (+6012) 207 8285

E-mail: [li-ann@ink.net.my](mailto:li-ann@ink.net.my)